

Radang jadi bisul bernanah

→ Penggunaan deodoran, bercukur rangsang risiko penyakit kulit Hidradenitis Suppurativa

Oleh Halina Mohd Noor
halina_mdnoor@bh.com.my

Penggunaan sesetengah deodoran dan mencukur bulu di kawasan sulit seperti ketiak boleh merangsang risiko penyakit kulit 'gungung berapi' atau *Hidradenitis Suppurativa* (HS).

Penyakit yang sering menyerang remaja ini adalah keadaan berlakunya radang akar rambut berulang seperti di kawasan lipatan ketiak, pangkal paha, punggung dan di bawah payudara.

Radang berterusan menyebabkan kawasan terbit ditumbuhi benjolan jerawat biasa, tetapi lama-kelamaan menjadi bisul, seterusnya bernanah sebelum pecah sehingga berlaku pendarahan tanpa henti.

Pensyarah Kanan Perubatan dan Pakar Dermatologi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Kartini Farah Rahim, berkata memandangkan keadaan itu menyerang kawasan terlindung, ramai remaja menyem-

bunyikan masalah itu.

Kesan parut ketara
"Apabila penyakit sembuh, serangan meninggalkan kesan parut tebal dan lubang seakan terowong di bawah kulit hingga membataskan pergerakan pesakit.

"Sekiranya parut tebal membentuk di ketiak, penderita tidak dapat mengangkat tangannya dengan tinggi dan penyakit ini berterusan sehingga bertahun lamanya," katanya.

Dr Kartini Farah berkata, penyakit ini akan 'senyap' pada suatu ketika, tetapi kembali aktif terutama apabila pesakit mempunyai berat badan berlebihan dan menghadapi tekanan emosi. Pada masa sama berlaku perubahan hormon seperti ketika datang haid, cuaca panas dan lembap.

Kebanyakan doktor kata beliau, tidak dapat mengenal pasti penyakit dengan tepat dan hanya memberikan antibiotik biasa untuk jangka masa pendek menyebabkan ramai sengsara kerana tidak mendapat

rawatan sempurna.

Penyakit ini turut menyebabkan penghidapnya menderita jiwa kerana ledakan nanah dan darah yang berbau busuk selain baju melekit menyebabkan ramai segan berdepan dengan orang ramai.

Faktor cuaca punca serangan

Cuaca panas, geseran baju dan peluh mengaktifkan kawasan bernanah semula dan pembedahan berulang untuk membuang kawasan yang aktif adalah sangat menyakitkan.

Ini menyebabkan pesakit terpaksa mengambil cuti yang lama dan ramai terpaksa mengabaikan atau berhenti sekolah atau bekerja.

"Adalah sesuatu yang menyedihkan kerana ramai di antara pesakit HS tidak berpeluang melanjutkan pelajaran atau berpeluang mendapat pekerjaan yang baik. "Ramai tidak berkahwin atau terpaksa berpisah dengan pasangan hidup yang tidak memahami keadaan mereka," katanya.

Info

Punca HS

Hormon Androgen

→ Folikel rambut amat sensitif kepada hormon ini menyebabkan penyakit HS bermula selepas seseorang akil baligh. Menjadi teruk beberapa hari sebelum datang haid dan surut semasa mengandung, menyusu bayi atau menopause.

Golongan berisiko:


→ Perokok
→ Berat badan berlebihan
→ Mempunyai sejarah keluarga yang menghidap penyakit HS
→ Penggunaan sesetengah deodoran
→ Mencukur bulu di kawasan sulit

Kesan psikologi

→ Murung
→ Lebih suka menyendiri kerana parut dan bau yang busuk



Kesan HS yang menyerang kawasan punggung pesakit.



Bagaimana penyakit terjadi (gambar rajah)

→ Folikel rambut yang tersumbat dan kelemahan dinding folikel rambut.
→ Rambut senang pecah dan bocor.
→ Isi kandungan folikel masuk ke dalam isi kulit (dermis)

→ Sistem imun menjadi aktif, membentuk nanah dan memusnahkan tisu kulit.
→ Sebahagian isi folikel membentuk lubang terowong di bawah kulit dan bernanah.
→ Dianggarkan 0.5 sehingga satu peratus

jumlah penduduk Malaysia mengalami HS
→ Golongan wanita lebih ramai berbanding lelaki (tiga nisbah satu)
→ Usia antara 20 sehingga 29 tahun.
→ Lebih 30 peratus pesakit mempunyai ahli keluarga menghidap HS.

■ Apabila penyakit sembuh, serangan meninggalkan kesan parut tebal dan lubang seakan terowong di bawah kulit hingga membataskan pergerakan pesakit. Sekiranya parut tebal membentuk di ketiak, penderita tidak dapat mengangkat tangannya dengan tinggi dan penyakit ini berterusan sehingga bertahun lamanya ■■

Dr Kartini Farah Rahim,

Pensyarah Kanan Perubatan dan Pakar Dermatologi, Universiti Putra Malaysia



Tahap perkembangan HS

Tahap 1: Sebiji atau beberapa biji seakan jerawat tumbuh pada kawasan kulit.

Tahap 2: Benjolan seakan bisul yang bernanah tumbuh berulang-ulang di beberapa kawasan tubuh.

Tahap 3: Bisul bernanah yang meninggalkan parut dalam

Rawatan bergantung kepada tahap

→ Mencuci jerawat atau benjolan menggunakan benzoyl peroxide
→ Mandian untuk memusnahkan bakteria.
→ Antibiotik untuk mengurangkan radang dan jangkitan bakteria.
→ Terapi hormon untuk mengawal selia hormon dan mengurangkan jerawat
→ Ubat retinoid seperti acitretin bagi

mengurangkan pengeluaran peluh
→ Kortikosteroids seperti prednisolone bagi melegakan kesakitan dan radang
→ Ubat biologi seperti adalimumab bagi mengurangkan gejala yang teruk
→ Methorexate bagi mengawal selia sistem imun dan mengatasi gejala

→ Sesetengah pesakit mungkin memerlukan pembedahan bagi merawat kes HS yang teruk.
→ Pembedahan bergantung kepada keadaan setiap individu
→ Pembedahan membolehkan pembedahan laser, sitoterapi, pengeluaran nanah dan pemotongan kulit

→ Kurang keyakinan diri

Punca:
→ Tidak dapat diketahui tetapi terjadi apabila folikel (bahagian akar) rambut tersumbat dan menjadi radang.

Rawatan:

→ Tidak boleh disembuhkan tetapi rawatan awal dapat meredakannya.
→ Rawatan lebih kepada kawalan iaitu:
Antibiotik
Retinoids
Biologi
Suntikan steroid
Pembedahan kulit (jika berulang ditempat sama).

Perubahan gaya hidup:

→ Berhenti merokok
→ Kurangkan berat badan
→ Berhenti mengu-

nakan deodoran

→ Berhenti mencukur bulu
→ Memakai pakaian longgar
→ Mandi menggunakan sabun berubat
→ Mengurangkan tekanan

→ Kumpulan sokongan pesakit HS ditubuhkan pada Mac 2016 oleh Persatuan Dermatologi Malaysia

→ Meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai HS
→ Meningkatkan kepekaan pengamal perubatan
→ Lebih ramai pesakit HS tampil mendapatkan rawatan awal

→ Hari Kesedaran Penyakit HS disambut pada 20 Ogos 2016, di Auditorium Utama, Hospital Kuala Lumpur.

Info

0.5% - 1%

jumlah penduduk Malaysia mengalami HS

redaksi

PENGARANG KUMPULAN BH
Datuk Mahfar Ali
mafah@bh.com.my

TIMBALAN PENGARANG KUMPULAN BH
Datuk Badrulhisham Othman
baneta@bh.com.my

PENGARANG BERSEKUTU MINGGUAN/BH2
Azhar Abu Samah
azharas@bh.com.my

PENGARANG BERITA MINGGUAN BH
Zainuri Misfar
zainuri_misfar@bh.com.my

PENOLONG PENGARANG BERITA MINGGUAN BH
Norliza Abdullah
lizz@bh.com.my

WARTAWAN
Halina Mohd Noor
Nasuha Badrul Huzaimi

REKA BENTUK
Unit Grafik BH

PENGKALANAN
TEL: 1 300 22 6787

BERITA HARIAN
TEL: 1 300 22 6787

FAKS: 603 2056 7081

E-mel atau surat ke alamat:
sihat@bh.com.my
atau Sihat, Balai Berita,
31 Jalan Riong,
59100 Kuala Lumpur.